

PM perlu imbangi keterbukaan, ketegasan elak negara tidak stabil



Pensyarah Kanan (Pemikiran Kritis & Kreatif) Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

Oleh Dr Mohamad Fitri Mohamad Yusoff
bhrencana@bh.com.my

Pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhadapan pelbagai cabaran kompleks memerlukan pendekatan bijaksana.

Dalam konteks domestik, tiga isu menonjol, iaitu pelaksanaan semangat Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) serta usaha mengembalikan hak Sarawak dan Sabah, cadangan mengembalikan 20 peratus cukai kepada kerajaan negeri dan pengapungan harga diesel dan subsidi bersasar.

Suara tuntutan hak didakwa terhakis sejak pembentukan Malaysia dalam MA63 seperti imigresen, pendidikan, kuasa perundangan, peruntukan kewangan, kerajaan tempatan dan kawalan hasil bumi seperti minyak serta gas semakin lantang beberapa tahun ini.

Itu tentunya memberikan cabaran kepada Perdana Menteri terutama bagaimana memenuhi tuntutan itu tanpa mengganggu keseimbangan kuasa dalam Persekutuan.

Anwar perlu menunjukkan komitmen nyata dalam mengembalikan hak terbabit melalui tindakan konkrit. Jika dilihat dari segi keterbukaan, Perdana Menteri membuka pintu rundingan dan dialog.

Agenda mengembalikan semangat MA63 dipersetujui bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Sarawak serta beberapa perkara yang boleh dilakukan segera seperti pertambahan peruntukan kewangan.

Kemajuan dalam rundingan menunjukkan perkembangan positif tetapi beberapa perkara seperti

pendidikan dan agihan hasil petroleum perlu diselesaikan.

Sekiranya isu ini tidak ditangani dengan baik, ia boleh dilihat kelemahan dalam kawalan pentadbiran, sekali gus mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk Sabah dan Sarawak.

Pada masa sama, kejayaan Sarawak dan Sabah itu, menghasilkan momentum kepada negeri lain mengemukakan tuntutan. Pulau Pinang misalnya mencadangkan kepada Anwar yang juga Menteri Kewangan untuk mengembalikan 20 peratus cukai seperti pernah dipohon kerajaan Johor.

Malah, Sabah mencadangkan agar 40 peratus hasil cukai dikembalikan kepada kerajaan negeri. Pemimpin kerajaan negeri berpandangan berhak mendapat pulangan lebih besar daripada hasil cukai dikutip Kerajaan Persekutuan untuk menampung pembangunan infrastruktur.

Sudah tentu, ini menimbulkan cabaran kepada Perdana Menteri untuk mencari jalan tengah yang dapat memuaskan kehendak negeri tanpa menjejaskan kestabilan fiskal negara.

Tuntutan kewangan semakin meningkat

Perdana Menteri berusaha mendengar dan berunding tetapi penyelesaian akhir memuaskan semua pihak masih belum tercapai. Jika tuntutan ini tidak ditangani, ia boleh mencerminkan ketidakmampuan pentadbiran mengawal tuntutan kewangan semakin meningkat daripada negeri.

Tuntutan kewangan semakin meningkat ini juga boleh dilihat antara faktor menyumbang kepada pelaksanaan subsidi bersasar petrol bermula pengapungan harga diesel.

Walaupun tidak popular, penyasaran subsidi bersifat strategik dan signifikan dalam usaha mengurangkan ketirisan, sekali gus memastikan

ia sampai kepada golongan benar-benar memerlukan, manakala penjimatan pula boleh digunakan untuk tujuan seperti menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam.

Namun, cabaran utama adalah bagaimana mengurangkan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah dan menengah yang mungkin terkesan dengan kesan limpahan akibat kenaikan harga bahan api.

Keterbukaan pentadbiran Perdana Menteri dalam pelaksanaan subsidi bersasar boleh dilihat dari segi usaha kerajaan mengadakan sesi penerangan dan dialog dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Malangnya, ada pihak tertentu sengaja memutarbelitkan fakta hingga menimbulkan kekusaran rakyat. Justeru, jika hal ini tidak diurus dengan baik, ia boleh dilihat sebagai kegagalan dalam mengawal pelaksanaan dasar berimpak tinggi.

Daripada analisis ketiga-tiga isu itu, terdapat petunjuk pentadbiran Perdana Menteri berhadapan cabaran agak getir menyelamatkan negara dibelenggu hutang sekitar RM1.5 trilion.

Namun, keterbukaan pentadbiran dapat dilihat melalui usaha berunding dan mendengar pandangan pelbagai pihak tetapi ia perlu disertai tindakan konkrit dan hasil memuaskan untuk mengelakkan kerajaan dilihat hilang kawalan.

Perdana Menteri perlu menunjukkan kepemimpinan tegas dan berwawasan tetapi memastikan tindakan diambil berteraskan keadilan dan kemampuan untuk mengelakkan ketidakstabilan jangka panjang.

Realitinya dalam dunia politik dinamik, keupayaan mengadaptasi dan mengurus perubahan dengan cekap adalah kunci kepada kejayaan pemimpin.